

Dr Mahathir sangkal hapus GST jejas hasil negara

ISNIN 14/5/18 BERITA HARIAN M/S 2

➔ Kekurangan dana kerana salah guna, pembaziran wang kerajaan

✦ Kuala Lumpur

Dr Mahathir Mohamad menyangkal dakwaan kononnya hasil pendapatan negara akan merosot sekiranya kutipan hasil Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak enam peratus yang diperkenalkan pada 2015, dihapuskan.

Perdana Menteri berkata dakwaan itu adalah tidak benar kerana kekurangan dana dalam kerajaan sekarang bukan disebabkan kekurangan hasil sumber pendapatan negara tetapi akibat salah guna dan pembaziran wang kerajaan.

Dr Mahathir, yang memimpin Pakatan Harapan (PH) untuk menubuhkan kerajaan baharu selepas menubuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), berkata pendapatan negara sekarang meningkat tiga kali ganda daripada masa pentadbiran beliau.

Tahun lalu, kerajaan mengutip GST sejumlah RM42 billion. "Tetapi wang itu disalahgunakan, diguna untuk membeli sokongan bagi (bekas perdana men-

gan wang," katanya dalam sesi penerangan kepada RTM dan BER-NAMA di kediamannya, di Seri Kembangan, dekat sini, semalam. Selepas bersara selama 15 tahun, Dr Mahathir kembali semula menerajui pentadbiran negara.

Sebelum ini, pemimpin berusia 92 tahun itu menjadi Perdana Menteri keempat dari 1981 hingga 2003.

Yakin pengurusan kewangan

Dr Mahathir berkata beliau yakin dengan pengurusan kewangan kerajaan yang cekap dan efisien, negara akan mempunyai dana yang cukup untuk menguruskan perbelanjaan negara.

Sebagai salah satu langkah penjimatan, katanya, kerajaan juga boleh mengurangkan perbelanjaan negara dengan menghentikan atau melewatkan pelaksanaan projek yang tidak penting.

Selain itu, Dr Mahathir turut menekankan mengenai kepentingan meningkatkan daya beli pengguna berbanding penguaman kenaikan gaji penjawat awam.

"Kalau kita naikkan gaji tetapi



Tun Dr Mahathir bercakap pada sesi penerangan khas di kediaman beliau, di Kuala Lumpur, semalam.

lebih ini tidak lebih mewah daripada dahulu, tidak boleh beli lebih banyak daripada dahulu. Oleh sebab itu, tiap-tiap kali nak dinaikkan gaji, kita nak tengok apa kesannya terhadap kos," katanya.

Bagi menangani peningkatan kos sara hidup, kerajaan PH dalam manifesto PRU14 berjanji untuk menghapuskan GST dan memperkenalkan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Mengenai mekanisme penetapan harga minyak petrol dan diesel sejak Mac 2017, Dr Mahathir berkata buat masa ini kaedah itu akan diteruskan sehingga hasil kajian mekanisme baharu dilaksanakan.

"Kita kaji mekanisme untuk menentukan harga minyak sama ada ia berkaitan dengan harga pasaran dunia atau berkaitan dengan pro-

duktiviti kita," katanya.

Mengulas lanjut mengenai an-tirasuah dalam pentadbiran kerajaan baharu itu, Dr Mahathir berkata kerajaan sangat bertegas dalam hal itu kerana tidak mahu menteri yang dilantik terbabit dalam amalan korupsi.

Pengerusi PH itu menjelaskan sejak kempen pilihanraya umum, PH telah menerima sumbangan yang banyak untuk membiayai pilihan raya itu dan kini, setelah dipilih rakyat menjadi kerajaan, segala bentuk sumbangan dan derma tidak boleh diterima manamana pihak melainkan dengan keizinan atau dimaklumkan kepada Kabinet.

"Kadang-kadang ada orang ramai bagi sumbangan dalam bentuk hadiah. Hadiah yang boleh diberi adalah dalam (bentuk) makanan,

tetapi bukan dalam (bentuk) barangan bernilai," katanya.

Menyentuh mengenai Kabinet baharu pula, Dr Mahathir berkata pengumumannya akan dibuat secepat mungkin.

"Kita akan bentuk Kabinet kecil yang mengandungi 10 orang sahaja. Kita sudah ada tiga orang, dan kita perlu tujuh lagi untuk cukupkannya secepat mungkin dengan setiap parti memberi calon nama dan Kementerian pilihan mereka.

"Saya harap ia dapat diselesaikan dalam minggu ini, jadi, kita dapat bentuk Kabinet 10 orang," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan dari situ, beliau selaku perdana menteri, akan menyemak senarai calon itu sebelum membuat keputusan mengenai jawatannya terlebih dahulu dengan presiden parti masing-masing.

Beliau berkata Kabinet itu akan bergerak sebagai Kabinet yang sah, sementara kerajaan memilih calon lain dari negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kabinet lengkap itu tidak akan

PM jumpa KSU hari ini

mereka berhubung kerajaan yang akan dibentuk selepas Pilihan Harapan (PH) memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan berjumpa dengan semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian hari